

**KONSEP MUSYARAKAH  
MENURUT SYEIKH DAUD AL-FATANI  
DALAM FURU‘ AL-MASÂ’IL**

**Hadenan bin Towpek**

Akademi Pengajian Islam Serawak, Malaysia  
(hadenan@siswa.um.edu.my; hadenan74@gmail.com)

**Abstrak**

*Tulisan ini mengetengahkan pandangan Syeikh Daud al-Fatani terhadap konsep musyarakah sebagaimana yang dibincangkan dalam kitabnya Furu‘ al-Masa’il dan dirujuk khusus pada tajuk Kitabal-Syirkah. Bagaimana musyarakah diaplikasikan secara umum dalam sistem perbankan Islam Malaysia menjadi fokus makalah ini. Dalam masa yang sama juga, rujukan silang dengan pandangan fuqaha’ al-Syafi’i yang valid juga diterapkan. Bahkan konsep musyarakah yang dikemukakan dalam kitab Furu‘ al-Masa’il ini adalah masih lagi relevan dan dapat diaplikasikan termasuk dalam bidang perbankan dan keuangan Islam dari dulu, kini dan akan datang.*

*This paper presents Sheikh Daud al- Fatani’s thought on the concept of Musharakah in his book Furu ‘al-Masa’il and referred specifically to the Kitabal-Shirkah. How musyarakah generally applied in Malaysia’s Islamic banking system is the focus of this paper. In the same period, cross-references with the valid views of jurists of al-Shafi’i school of thought are also applied. Moreover, the concept of Musharakah is presented in his book “Furu ‘al-Masa’il” is still considered relevant and applicable, including in the field of Islamic banking and finance from the past, present and future.*

**Kata Kunci:** Daud al-Fatani, ekonomi Islam, furu‘ al-masa’il, muamalat, musyarakah, perbankan Islam.

## **A. Pendahuluan**

Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (1131-1265H/1718-1847M) merupakan antara tokoh pemikir Islam yang teragung di Nusantara ini yang pernah mengharumkan nama bangsa Melayu di kalangan negara-negara Islam hingga ke saat ini. Beliau merupakan ulama kitab teristimewa dan sering dianggap sebagai pelopor penulisan kitab-kitab Jawi pada sepanjang abad ke 19M.

Sebagai penulis yang prolifik pembabitannya dalam penulisan dianggap yang paling produktif dalam menghasilkan kitab-kitab Jawi dalam pelbagai disiplin keilmuan Islam seperti tauhid, fiqh, tasawuf dan sebagainya, yang antaranya masih lagi diterbitkan hingga ke hari ini dan menjadi rujukan dan kajian para ulama, ilmunan, penyelidik, pelajar dan sebagainya.

Sehubungan itu, tulisan ini berhasrat bukan sahaja mengenali ketokohan ilmunan ini tetapi juga mengemukakan suatu analisis ilmiah mengenai pandangan beliau terhadap konsep *musyarakah* sebagaimana yang dibincangkan dalam kitabnya *Furu' al-Masâ'il*. Sebelum itu, tulisan ini terlebih dahulu memperkenalkan secara ringkas mengenai biodata pengarang kitab dan latar belakang kitab.

## **B. Syeikh Daud al-Fatani dan Kitab *Furu' Al-Masa'il*<sup>1</sup>**

Nama penuh beliau ialah Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris bin Tok Wan Derasid bin Syeikh Wan Senik bin Tok Wan Abu Bakr bin Tok Kaya Pandak bin Andi (Faqih) Ali Datuk Maharajalela. Beliau dilahirkan di Kampung Kerisik Patani. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1131H/1718M.

Beliau mendapat pendidikan awal daripada keluarga sendiri iaitu daripada bapa dan datuknya, serta berkesempatan berguru dengan ulama-ulama setempat yang datang dari Timur Tengah atau Yaman. Kemudian, beliau juga dikatakan belajar di Aceh selama dua tahun

---

<sup>1</sup>Subtajak ini dipetik daripada Hadenan Towpek (2011), "Kaedah Penulisan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Dalam *Furu' Al-Masâ'il* Dengan Tumpuan Kepada *Rubu' Al-Mu'amalat*", *The 6<sup>th</sup> ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011)*, pada 11-12 Oktober 2011, anjuran ISDEV, USM, Pulau Pinang, h. 3-4.

sebelum beliau berangkat ke Hijaz. Beliau belajar di Mekah selama 30 tahun dan di Madinah selama 5 tahun. Beliau wafat di Ta'if pada tahun 1265H/1847M berdasarkan salah satu catatan keluarganya.

Sementara kitab ini pula, judul penuhnya ialah *Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il*. Ia dihasilkan oleh Syeikh Daud al-Fatani pada tahun 1254H/1838M dan diselesaikan pada tahun 1257H/1841M. Kitab ini adalah karya besar beliau dalam bidang perundangan dan pemikiran Islam yang pernah didapati di Mekah sejak tahun 1880an lagi. Dalam bahasa Inggeris, *Furu' al-Masa'il* diterjemahkan sebagai '*branches of religious issues*'.

Manuskrip asal kitab ini boleh didapati di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia yang disenaraikan sebanyak 22 katalog. Pada masa sekarang, versi cetakan kitab yang masih diulang-cetak, dijual di pasaran dan digunakan di institusi pengajian tradisional terutamanya di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Patani Thailand, adalah versi cetakan Matba'ah Bin Halabi, Patani Thailand yang menggunakan versi cetakan Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Mesir.

### **C. Skop Perbincangan Konsep *Musyarakah***

Tulisan ini menumpukan kepada konsep *musyarakah* yang dibincangkan dalam *rubu' al-mu'amalat* daripada kitab *Furu' al-Masa'il* jilid 2. Syeikh Daud menulis *rubu' mu'amalat* dengan pelbagai kategori tajuk yang berjumlah 40 tajuk, iaitu 17 *kitab*, 14 *bab* dan 9 *fasl*.<sup>2</sup> Manakala tajuk mengenai *musyarakah* adalah termasuk dalam kategori tajuk *kitab* yang ditulis sebagai *Kitab al-Syirkah*;<sup>3</sup> iaitu terletak antara tajuk *Bab al-Daman* dan *Kitab al-Wakalah*.

Dari segi struktur, kitab ini membincangkan perkara-perkara *furu'* atau cabang-cabang *fiqhiyyah* yang direka dengan model kitab fatwa iaitu mempunyai soalan dan jawapan dengan kupasan yang terperinci dan merangkumi semua bab; tanpa menyatakan identiti

---

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 9-10.

<sup>3</sup> Daud bin Abdullah Al-Fatani (t.t.), *Furu' Al-Masa'il*, jld. 2, Patani: Matba'ah Bin Halabi, h. 76, b. 14 (perkataan baris selepas ini ditulis dengan "b.").

pihak yang menyoal.<sup>4</sup> Dalam hal ini, skema model kitab fatwa juga diterapkan dalam perbincangan konsep *musyarakah* yang termuat dalam 16 set soalan-jawapan dalam *Kitab al-Syirkah*.<sup>5</sup>

Untuk tujuan tulisan ini, perbincangan konsep *musyarakah* boleh dikelompokkan kepada tujuh subperbincangan, iaitu (i) definisi dan jenis *musyarakah*, (ii) rakan *musyarakah*, (iii) syarat harta *musyarakah*, (iv) hak rakan *musyarakah*, (v) kaedah pembahagian keuntungan, (vi) harta *musyarakah* binasa, dan (vii) pertikaian dalam akad *musyarakah*.

#### D. Definisi dan Jenis *Musyarakah*

Secara etimologi, *al-musyarakah* berasal daripada kata akar *al-syirkah* yang membawa maksud percampuran iaitu percampuran antara sesuatu dengan sesuatu yang lain sehingga sukar untuk dipisahkan antara satu sama lain.<sup>6</sup>

Dalam *Furu' al-Masa'il*, Syeikh Daud memberi takrifan yang ringkas terhadap istilah *musyarakah* sebagai 'bersekutu'.<sup>7</sup> Ia adalah maksud umum bagi istilah *musyarakah*. Menurut ulama' fiqh, *musyarakah* merujuk kepada hak dua orang atau lebih terhadap sesuatu tanpa pengagihan yang khusus. Umpamanya seperti dua orang atau lebih berkongsi memiliki sebidang tanah tanpa ditentukan sempadan masing-masing. *Musyarakah* difahami lebih khusus sebagai akad yang diwujudkan secara sukarela dengan tujuan pengurusan dan memperoleh keuntungan.<sup>8</sup>

Dalam terminologi fiqh Islam, *musyarakah* terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu *syirkat al-milk* dan *syirkat al-'aqd*. Bahagian *musyarakah* pertama merujuk kepada perkongsian harta apabila dua

---

<sup>4</sup> Hadenan Towpek, *Op.Cit.*, h. 10.

<sup>5</sup> Daud bin Abdullah Al-Fatani (t.t.), *Op.Cit.*, h. 76-79. Ia mengandungi 4 halaman dengan 119 baris.

<sup>6</sup> Wahbah Al-Zuhayli, *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh*, juz 4, (Damsyik: Dâr al-Fikr, 1985) h. 792.

<sup>7</sup> Daud bin 'Abdullah Al-Fatani (t.t.), *Op.Cit.*, h. 76, b. 15.

<sup>8</sup> Mustafa Rib Al-Bugha *et al.*, *Al-Fiqh Al-Manhaji 'ala Madhhab Al-Imam al-Syafi'i*, jld. 3, Damsyik: Dâr Al-Qalam dan Beirut: Al-Dâr Al-Syamiyyah, 1996, h. 217.

orang atau lebih memiliki sesuatu perkara, yang berlaku sama ada secara tidak sengaja (*qahran/ijbariyyah*) seperti mewarisi harta secara bersama, atau secara sukarela (*ikhthiyariyyah*) seperti mereka berkongsi membeli sesuatu.<sup>9</sup>

Sementara bahagian *musyarakah* kedua pula difahami sebagai akad yang berlaku antara dua atau lebih untuk berkongsi dalam harta dan keuntungannya.<sup>10</sup> Ia mempunyai empat jenis iaitu *syirkat al-abdan*, *syirkat al-mufawadah*, *syirkat al-wujuh* dan *syirkat al-'inan*. Mazhab al-Syafi'i menganggap tiga jenis *musyarakah* yang awal adalah batal, dan hanya yang diterima dan sah ialah *syirkat al-'inan*.<sup>11</sup> Dalam hal ini, Syeikh Daud tidak menyatakan secara langsung jenis *musyarakah* yang beliau huraikan dalam *Furu' al-Masa'il*, tetapi berdasarkan ciri-ciri *akad musyarakah* yang beliau ketengahkan sepanjang tajuk ini jelas menunjukkan ia adalah dari jenis *syirkat al-'inan*.

Manakala dalam amalan perbankan Islam di Malaysia, ia difahami sebagai perkongsian atau usahasama (*partnership*). Ia merupakan salah satu akad dalam kategori akad *al-isytirak* selain daripada akad *mudarabah*.<sup>12</sup>

---

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 218.

<sup>10</sup> Al-Zuhayli (1985), *Op.Cit.*, h. 794.

<sup>11</sup> Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Al-Ghazali, *Al-Wasit fi Al-Madhhab*, jld. 3, Kaherah: Dâr Al-Salam, h. 262; Abu Zakariyya Yahya b. Syarf Al-Nawawi (1423H/2003M), *Rawdat Al-Talibin*, juz 3, cet. khas, Arab Saudi: Dâr 'Alim Al-Kutub, 1997 h. 507-513; *Idem* (2005), *Minhaj Al-Talibin wa 'Umdat Al-Muftin*, Arab Saudi: Dâr Al-Minhaj, h. 270; Muhammad b. Al-Khatib Al-Syarbini (1997), *Mughni Al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Al-faz Al-Minhaj*, jld. 2, Beirut: Dâr Al-Ma'rifah, h. 274-275; Mustafa Rib Al-Bugha *et al.* (1996), *Op.Cit.*, h. 221-222; Al-Zuhayli (1985), *Op.Cit.*, h. 795.

<sup>12</sup> Abdul Ghafar Ismail, *Money, Islamic Banks and the Real Economy*, Singapore: Cengage Learning, 2010, h. 60; Sudin Haron, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1996, h. 68; Mohd Herwan b. Mohammad Hussin & Mohd Hawari b. Mohammad Hussin, *Understanding Shari'ah and Its Application in Islamic Finance*, Kuala Lumpur: IBFIM, 2011, h. 151; Bank Negara Malaysia, *What is Islamic Banking*, (Banking Info), Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2003, h. 6.

### **E. Rakan *Musyarakah***

Syeikh Daud menerangkan bahawa wali dibenarkan untuk *musyarakah* atas harta *mahjur alayh* sekiranya ada kemaslahatan. Kebenaran ini terbatas kepada rakan *musyarakah* yang dipercayai. Dalam hal ini juga, Syeikh Daud menyatakan bahawa adalah makruh melantik rakan *musyarakah* daripada kalangan orang kafir kerana dia tidak memelihara daripada perkara syubhah. Bagi hamba *makatib* tidak sah melantik rakan *musyarakah* yang lain kecuali mendapat keizinan daripada tuannya.<sup>13</sup>

Pandangan yang dikemukakan oleh Syeikh Daud ini adalah selari dengan al-Khatib al-Syarbini dalam hal wali dibenarkan menjadikan harta *mahjur 'alayh* sebagai harta *musyarakah*, dengan melantik rakan yang dipercayai.<sup>14</sup>

Sementara dalam amalan perbankan Islam, setiap rakan kongsi akad *musyarakah* hendaklah dapat menanggung kewajipan, bukan *mahjur 'alayh*, dan tidak boleh memudaratkan harta modal.<sup>15</sup>

Seiring dengan perkembangan zaman, hak dan tanggungjawab setiap rakan kongsi akad *musyarakah* juga semakin dinamik, di mana:<sup>16</sup>

- a. Setiap rakan kongsi dibenarkan untuk berkongsi dengan individu bukan Islam atau bank konvensional selagi perniagaan yang disepakati adalah halal.
- b. Bank Islam selaku rakan kongsi dibenarkan berkongsi dengan bank konvensional dalam pembiayaan projek besar (*syndicated project financing*) dengan syarat dikawal selia secara syariah.
- c. Semua rakan kongsi dibenarkan untuk sama-sama meminda beberapa syarat yang dipersetujui pada awalnya.
- d. Kesemua rakan kongsi berhak untuk mengendalikan harta syarikat sama ada menjual, sewa dan lain-lain selagi ia dalam sasaran syarikat serta membawa manfaat, kecuali urusan yang

---

<sup>13</sup> Daud bin Abdullah Al-Fatani, *Op.Cit.*, h. 76, b. 15-19.

<sup>14</sup> Al-Khatib Al-Syarbini, *Op.Cit.*, h. 276.

<sup>15</sup> Mohd Herwan & Mohd Hawari, *Op.Cit.*, h. 152.

<sup>16</sup> Zaharuddin Abd. Rahman, *Panduan Perbankan Islam: Kontrak & Produk Asas*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009), h. 99.

boleh membawa kerugian mestilah mendapat persetujuan semua rakan kongsi.

- e. Rakan kongsi dibenarkan mewakili seorang atau dua sebagai Pengurus Eksekutif Utama (*Chief Executive Officer* atau *Managing Director*) syarikat manakala pihak yang lain duduk sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

#### **F. Syarat Harta Musyarakah**

Dalam *Furu' al-Masa'il*, Syeikh Daud membincangkan mengenai syarat-syarat tertentu terhadap jenis harta yang dibenarkan untuk diakad secara *musyarakah*. Syarat-syarat tersebut dapat dirumuskan seperti berikut:

- a. Harta dari jenis *nuqud* hendaklah tulen. Bagi *nuqud* yang bercampur-campur (*maghsyusy*) hanya boleh diterima sekiranya ia sah diperlakukan. Dalam hal ini, ia tidak sah sekiranya dari jenis harta yang *mutaqawwim* seperti kain dan seumpamanya.<sup>17</sup>
- b. Hendaklah dua harta tersebut dicampur sehingga ia tidak boleh dibezakan lagi, sebelum diakadkan. Ini bermakna, ia tidak sah sekiranya percampuran harta itu berlaku selepas diakadkan.<sup>18</sup>
- c. Hendaklah harta itu dari jenis yang sama walaupun berlainan dari sudut kuantiti dan nilainya. Oleh itu, ia tidak boleh daripada jenis yang berlainan seperti emas dengan perak, riyal bulat dengan riyal pecah, gandum merah dengan gandum putih.<sup>19</sup>

Ketiga-tiga syarat ini juga adalah selari dengan pandangan fuqaha' al-Syafi'i sebagaimana yang dibincangkan oleh al-Nawawi dalam *Rawdat al-Talibin*.<sup>20</sup>

Sementara dalam amalan perbankan Islam pula memberi syarat yang tidak jauh bezanya mengenai harta *musyarakah* di mana ia hendaklah jenis harta yang mempunyai nilai wang, bukan dari jenis

---

<sup>17</sup> Daud bin Abdullah al-Fatani, *Op.Cit.*, h. 76, b. 20-21.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 76, b. 22-23.

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 76, b. 23-25.

<sup>20</sup> Al-Nawawi (1423H/2003M), *Op.Cit.*, h. 508-509.

hutang, jumlah yang tertentu, sumbangan dari semua rakan kongsi, dan harta itu dikumpul dalam dana modal.<sup>21</sup>

### **G. Hak Rakan *Musyarakah***

Selain menjelaskan mengenai kedudukan *musyarakah* sebagai akad *ja'iz* daripada dua taraf,<sup>22</sup> Syeikh Daud juga menjelaskan beberapa tanggungjawab bagi rakan *musyarakah*. Menurut beliau, setiap rakan *musyarakah* tidak disyaratkan mengetahui kadar haknya sewaktu akad. Mereka boleh mengetahui kadar haknya memadai dengan merujuk kepada buku daftar (buku rekod/catatan).<sup>23</sup>

Selain itu, Syeikh Daud juga menjelaskan mengenai elemen keizinan untuk mengurus niaga dengan harta *musyarakah* dalam ruang lingkup yang tidak mendatangkan kemudharatan, iaitu:<sup>24</sup>

- a. Sekiranya tidak mendapat sambutan di pasaran di mana pelanggan tidak berminat dengan barangan tersebut, maka tidak boleh menjualnya selain daripada harga *mithil* (sepadan).
- b. Sekiranya ada sambutan di pasaran di mana pelanggan berminat untuk membeli barangan tersebut, maka hendaklah dijual dengan harga yang lebih baik daripada harga *mithil*.
- c. Sekiranya terdapat pelanggan yang hendak lebih pada tempoh *khiyar*, maka hendaklah *dikhiyarkan* dan dijualkan bagi pelanggan yang memberi lebih nilai.
- d. Urus niaga tidak boleh dilakukan dengan harga tangguh, atau bukan belanja negeri, atau dengan harga rugi yang besar.
- e. Barang dagangan tidak boleh dibawa bermusafir, atau diserahkan kepada pihak lain untuk mengurus-niaga.
- f. Dalam hal ini, elemen keizinan merupakan unsur utama yang membentuk akad *musyarakah*. Perkara ini juga disepakati oleh

---

<sup>21</sup>Mohd Herwan & Mohd Hawari, *Op.Cit.*, h. 152; Zaharuddin Abd. Rahman, *Op.Cit.*, h. 99; Abdul Ghafar Ismail, *Op.Cit.*, h. 61.

<sup>22</sup> Dalam hal ini, setiap rakan kongsi berhak memfasakhkan akad tersebut mengikut kehendaknya sebagaimana akad *wakalah*. Ia juga boleh terfasakh apabila rakan kongsinya sama ada mati, gila, pitam, atau diisytihar muflis. Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t.), *Op.Cit.*, h. 77, b. 5-8.

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 76, b. 28-31.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 76, b. 31-35 & h. 77, b. 1-5.



fugaha' al-Syafi'i yang lain seperti al-Ghazali dalam *al-Wasit fi al-Madhhab*,<sup>25</sup> al-Nawawi dalam *Minhaj al-Talibin*,<sup>26</sup> al-Khatib al-Syarbini dalam *Mughni al-Muhtaj*,<sup>27</sup> dan Mustafa Rib al-Bugha *et al.* dalam *al-Fiqh al-Manhaji*.<sup>28</sup>

#### **H. Kaedah Pembahagian Keuntungan Dalam Akad Musyarakah**

Dalam *Furu' al-Masa'il* dijelaskan bahawa pembahagian untung dan rugi adalah atas kadar sumbangan harta masing-masing. Sekiranya kadar sumbangan adalah sama, maka kadar pembahagian adalah sama juga. Sekiranya satu pihak menyumbangkan seratus dan satu pihak lagi menyumbangkan lima puluh, maka nisbahnya adalah sepertiga (*thuluth*).<sup>29</sup>

Oleh itu, pihak yang banyak usahanya tidak boleh menuntut lebih daripada kadar nisbah sumbangannya. Sekiranya rakan yang lebih banyak hartanya diberi janji mendapat keuntungan yang lebih daripada kadar sumbangannya, maka akad ini menjadi fasad.<sup>30</sup>

Selain itu, pengiraan keuntungan perniagaan dalam akad *musyarakah* dibuat setelah ditolak daripada kos cukai barangan dan cukai perniagaan serta kos tuntutan lain seperti kos bayaran barangan yang dicuri.<sup>31</sup>

Pandangan Syeikh Daud al-Fatani ini adalah tidak berbeza dengan amalan perbankan Islam dalam aspek pengagihan kadar untung-rugi dalam akad *musyarakah*. Dalam amalan perbankan Islam, sesuatu kadar keuntungan akan dibahagikan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Jika berlaku kerugian, ia akan ditanggung oleh pihak-pihak yang berakad mengikut nisbah pemilikan saham atau ekuiti.<sup>32</sup>

---

<sup>25</sup> Al-Ghazali, *Op.Cit.*, h. 259.

<sup>26</sup> Al-Nawawi, *Op.Cit.*, h. 270.

<sup>27</sup> Al-Khatib Al-Syarbini, *Op.Cit.*, h. 276.

<sup>28</sup> Mustafa Rib al-Bugha *et al.*, *Op.Cit.*, h. 223.

<sup>29</sup> Daud bin Abdullah Al-Fatani, *Op.Cit.*, h. 77, b. 8-10.

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 77, b. 11-13 & b. 14-18

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 78, b. 15-18.

<sup>32</sup> Mohd Herwan & Mohd Hawari, *Op.Cit.*, h. 153; Abdul Ghafar Ismail, *Op.Cit.*, h. 60-61; Zaharuddin Abd. Rahman, *Op.Cit.*, h. 100; Bank Negara Malaysia, *Op.Cit.*, h. 6.

### **I. Harta Musyarakah Binasa**

Menurut Syeikh Daud, setiap rakan kongsi adalah dianggap sebagai tangan amanah. Oleh itu, kata-katanya adalah diterima apabila mengembalikan bahagian rakannya yang ada pada dirinya atau dakwaan rugi atau binasa iaitu sama ada dengan *bayyinah* bagi kes binasa atas sebab yang zahir seperti kebakaran, atau dengan sumpah bagi kes binasa yang tersembunyi seperti kecurian.<sup>33</sup>

Sekiranya harta *musyarakah* yang dikongsi binasa, ia boleh disabitkan dengan *daman* atau tanpa *daman*. Ia tidak dikenakan *daman* sekiranya diserahkan untuk jagaan dengan syarat memberi makan dan mengambil manfaatnya. Sebaliknya ia dikenakan *daman* sekiranya diserahkan untuk mengambil manfaat tanpa disyaratkan memberi makan.<sup>34</sup>

### **J. Pertikaian Dalam Akad Musyarakah**

Syeikh Daud juga menjelaskan kaedah penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian dalam akad *musyarakah*. Antara contoh penyelesaian pertikaian boleh dirumuskan seperti berikut:

- a. Sekiranya rakan kongsi mendakwa harta yang ada padanya adalah miliknya, tetapi disanggah oleh rakan kongsinya bahawa ia adalah harta *musyarakah*, maka dalam hal ini dibenarkan pihak yang memiliki harta tersebut dengan sumpahnya.<sup>35</sup>
- b. Sekiranya rakan kongsi mendakwa suatu pembelian ini untuk dirinya dan satu lagi untuk akad *musyarakah*, tetapi disanggah oleh rakan kongsinya. Dalam hal ini, rakan kongsi yang membuat pembelian itu dibenarkan dengan sumpahnya sama ada dilafazkan dengan belian secara *musyarakah* atau tidak dilafazkan iaitu dengan niat sahaja.<sup>36</sup>
- c. Sekiranya rakan kongsi membeli barang yang nyata *'aybnya*, kemudian dia hendak memulangkannya kembali bahagiannya,

---

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 77, b. 18-24.

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 79, b. 2-10.

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 77, b. 24-26.

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 77, b. 26-28.

dalam hal ini penjual tidak menerima dakwaannya bahawa ia membeli bagi pihak *musyarakah*.<sup>37</sup>

- d. Sekiranya seorang peniaga bersepakat dengan pemilik unta dan pemilik *qirbah* (bekas air dibuat daripada kulit unta) untuk mengambil air secara berkongsi tiga pihak, maka akad *musyarakah* ini adalah tidak sah. Oleh itu, air itu menjadi miliknya, dan dia hendaklah memberi upah *mithil* kepada pemilik unta dan *qirbah*.<sup>38</sup>
- e. Sekiranya terdapat harta rampasan yang bercampur dengan harta sendiri sehingga tidak dapat dibezakan lagi, maka dalam hal ini, hendaklah diasingkan pada kadar yang dirampas kemudian diniatkan ia adalah hak yang dirampas. Maka harta selebihnya adalah halal baginya untuk bertasaruf.<sup>39</sup>
- f. Sekiranya harta *musyarakah* dicuri, kemudian seorang rakan kongsi membelanjakan kos untuk membayar kerugian bagi menampung kerugian dengan belanja sendiri. Maka, kos yang dibelanjakan itu tidak boleh dituntut daripada rakan kongsi yang lain. Ini kerana perbuatan dia mengeluarkan belanja mengembalikan ternakan itu dianggap sebagai perbuatan *tabarru'* atau sumbangan sukarela.<sup>40</sup>
- g. Sekiranya seorang itu mati dengan meninggalkan harta untuk beberapa anaknya, kemudian harta tersebut ditadbir dengan baik sama ada untuk menampung kos berniaga, berbandang, mengerjakan haji, berkahwin dan lain-lain. Kemudian, selepas tempoh tertentu terdapat ahli waris yang lain menuntut haknya daripada harta tersebut untuk tujuan yang sama, umpamanya seperti menampung kos berkahwin atau mengerjakan haji. Dalam kes ini, sekiranya wujud keizinan daripada ahli waris yang belum mengerjakan haji atau belum berkahwin, dan mereka ketika itu sudah mencapai umur baligh lagi cerdik, dan mereka redha dengan tindakan-tindakan tersebut, maka tuntutan tersebut boleh

---

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 77, b. 28-29.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 77, b. 29-32.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 78, b. 2-5.

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 78, b. 19-24.

ditolak. Namun sekiranya dia tidak redha dan tidak memberi izin, maka dia mempunyai hak untuk menuntut haknya daripada harta itu bagi tujuan tersebut.<sup>41</sup>

- h. Sekiranya seorang lelaki tua yang mempunyai sedikit harta, kemudian anak sulung mengambil harta tersebut untuk diurusniaga, sedangkan si bapa diam atau dengan izinnnya. Akhirnya harta itu bertambah banyak sedangkan si anak tidak diberikan upah. Apabila si bapa mati dan anak sulung menuntut harta yang lebih daripada asal hartanya. Maka, dia tidak boleh mengambil sesuatupun daripada lebihan harta itu tanpa keizinan daripada ahli waris yang lain. Sekiranya ahli waris yang lain memberi keizinan lantaran dia telah berbuat suatu sumbangan sukarela (*tatawwu*) ketika mengurusniaga dengan harta itu dahulu, maka wajib baginya membahagi secara saksama dengan ahli waris yang lain pada harta yang lebih itu.<sup>42</sup>

### **K. Aplikasi Umum Akad Musyarakah dalam Amalan Perbankan Islam Malaysia**

Dalam operasi perbankan Islam termasuk juga institusi kewangan bukan bank, akad *musyarakah* diaplikasikan dalam pelbagai bentuk produk seperti Penerbitan Bon Islam (Sukuk), Pembiayaan Korporat, Pembiayaan Modal Kerja, dan Pembiayaan Projek.<sup>43</sup> Modus operandi aplikasi produk pembiayaan Islam berasaskan akad *musyarakah* boleh dilihat dalam rajah 1.


#### Rajah 1: Modus Operandi Aplikasi Produk Pembiayaan Islam Berasaskan Akad *Musyarakah*

---

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 78, b. 28-34 & h. 79, b. 1-2.

<sup>42</sup> *Ibid.*, h. 79, b. 20-27.

<sup>43</sup> Zaharuddin Abd. Rahman, *Op.Cit.*, h. 100.



Sumber: Mohd Herwan & Mohd Hawari (2011:159)


Dengan berkembangnya saiz pasaran dan semakin meningkat keperluan pasaran, pihak bank Islam juga bertindak dengan *remodelling* produk pembiayaan berasaskan akad *musyarakah* yang dikenali sebagai akad *musyarakah mutanaqisah*.

Secara umumnya, akad *musyarakah mutanaqisah* ini merujuk kepada pemilikan berkongsi secara menurun, iaitu suatu bentuk akad persyarikatan dan perkongsian di antara pihak pembiaya yang merupakan rakan kongsi memberi hak kepada rakan kongsinya yang lain (penerima biaya) untuk memiliki aset dengan sekali atau beberapa kali bayaran iaitu secara beransur-ansur berdasarkan syarat yang dipersetujui.<sup>44</sup>

<sup>44</sup> Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2009, h. 21; Bank Islam Malaysia Berhad, *Bank Islam: Application of Shariah Contracts in Bank Islam's Products and Services*, Kuala Lumpur: BIMB, h. 3. Lihat juga: Al-Sawi, Muhammad Salah Muhammad, *Musykilat al-Istithmar fi al-Bunuk al-Islâmiyyah*, Qaherah: Dâr al-Wafa', 1990, h. 619; Mohd Ali Haji Baharum (1991), *Masalah Perumahan, Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam*, Cet. 2, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, h. 91-92.

Antara produk yang berasaskan akad *musyarakah mutanaqisah* ini ialah Pembiayaan Rumah dan Aset Secara *Musyarakah Mutanaqisah*. Produk jenis ini semakin mendapat sambutan di kalangan industri perbankan Islam, dan telah ditawarkan oleh beberapa institusi perbankan dan kewangan seperti Kuwait Finance House, Asian Finance Bank, Maybank Islamic Bank, RHB Islamic Bank, Citibank Islamic Banking dan lain-lain.<sup>45</sup> Modus operandi produk Pembiayaan Rumah dan Aset Secara *Musyarakah Mutanaqisah* boleh dilihat dalam rajah 2.

Rajah 2: Modus Operandi Aplikasi Produk Pembiayaan Rumah dan Aset Secara *Musyarakah Mutanaqisah*



Sumber: Zaharuddin Abd. Rahman (2009:101)

<sup>45</sup> Zaharuddin Abd. Rahman (2009), *Op.Cit.*, h. 100-101. Terdapat satu tesis PhD yang mengkaji pelaksanaan pembiayaan perumahan secara *musyarakah mutanaqisah* dalam amalan perbankan Islam di Malaysia bagi empat bank perdagangan iaitu Kuwait Finance House, Citibank Malaysia Berhad, RHB Islamic Berhad dan Maybank Islamic Berhad. Kajian ini juga menggunakan kaedah perbandingan produk pembiayaan perumahan yang berasaskan *musyarakah mutanaqisah* dengan produk pembiayaan perumahan yang berasaskan *bay' Al-istiana'*, *bay' bithaman ajil* (BBA), konvensional dan *bay' murabahah*. Lihat: Mohd Sollehudin Shuib (2010), *Musharakah Mutanaqisah Dalam Amalan Perbankan Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Produk Pembiayaan Perumahan*, (Bahan tidak diterbitkan), Tesis PhD, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Berdasarkan rajah 2, terdapat lima langkah dalam aplikasi produk pembiayaan rumah dan aset secara *musyarakah mutanaqisah*, iaitu:<sup>46</sup>

- a. *Beli aset*: Pelanggan ingin membeli aset atau rumah yang telah siap. Setelah mengenal pasti rumah, pelanggan membelinya dengan membayar deposit sebanyak 10% daripada harga aset.
- b. *Akad musyarakah*: Bagi mendapatkan baki 90% daripada harga aset, pelanggan memohon pembiayaan *musyarakah mutanaqisah*. Setelah bank setuju, kedua-dua pihak menandatangani akad *musyarakah*.
- c. *Bank bayar 90%*: Bank tidak boleh membeli aset tersebut daripada penjual (pemaju) kerana aset itu telah dibeli oleh pelanggan. Justeru, hasil akad *musyarakah*, bank akan menyuntik 90% harga aset kepada pelanggan tetapi dibayar kepada penjual (pemaju). Bayaran tersebut dikira sebagai modalnya. Hasilnya, pemilikan atas aset adalah 90:10 (Bank: Pelanggan).
- d. *Sewakan*: Dengan pemilikan *Beneficial Ownership* sebanyak 90% aset, bank memeterai akad sewaan dengan pelanggan di mana bank menyewakan bahagiannya kepada pelanggan secara bulanan untuk tempoh 20 tahun.
- e. *Jual*: Sebagai pihak pembiaya (*financier*), bank tidak memerlukan kepada aset tersebut. Justeru, bank turut memeterai akad jual bahagian miliknya secara beransur kepada pelanggan untuk tempoh 20 tahun.

---

<sup>46</sup>Zaharuddin Abd. Rahman, *Op.Cit.*, h. 101-102. Bagi pihak industri perbankan Islam, umpamanya RHB Islamic Bank, turut memberi maklumat terperinci mengenai modus operandi produk ini, iaitu pembiayaan bagi membeli rumah kediaman dengan menggunakan konsep perkongsian di antara bank dan pelanggan. Produk ini menggunakan konsep *musyarakah mutanaqisah* (*Diminishing Musharakah*) yang menjurus kepada suatu pelan pengurangan hak milik dalam perkongsian di mana pelanggan dan bank memeterai perjanjian hak perkongsian untuk memperolehi dan mendapatkan sesuatu aset dengan pelan pengurangan secara progresif yakni hak milik aset oleh satu pihak (bank) akan beransur kurang sehingga rakan kongsi *musyarakah* memiliki asset tersebut sepenuhnya pada akhir tempoh pembiayaan. Keterangan lanjut boleh didapati pada Lembaran Maklumat Produk, RHB Islamic Bank Berhad. Sumber diakses pada 14.11.2011, jam 9.32am, daripada laman sesawang: [http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/product-disclosure-sheet/PDS%20-%20Equity%20Home%20Financing-i\\_10102011.pdf](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/product-disclosure-sheet/PDS%20-%20Equity%20Home%20Financing-i_10102011.pdf).

## **L. Kesimpulan**

Perbincangan terdahulu memberi gambaran mengenai konsep *musyarakah* menurut Syeikh Daud al-Fatani sebagaimana yang dibincangkan dalam kitab *Furu' al-Masa'il* adalah dalam ruang lingkup perbincangan *fiqh al-Syafi'i*. Ia dapat dilihat dengan jelas menerusi perbincangan mengenai tujuh subperbincangan dengan huraian yang terperinci.

Kekuatan yang ada pada pandangan Syeikh Daud al-Fatani dalam kitab *Furu' al-Masa'il* ini menerusi perbincangan tajuk *musyarakah* ini adalah berpaksikan kepada sumber-sumber rujukan mazhab al-Syafi'i yang muktabar, selain daripada kaedah penulisan yang sistematik. Sudah tentu sumbangan berharga dan warisan penulisan beliau yang lengkap ini yang telah sekian lama wujud sejak pertengahan abad ke 19M lagi tidak dipersia-siakan sejak zaman-berzaman. Bahkan penulisan beliau mengenai konsep *musyarakah* ini khususnya dan kitab *Furu' al-Masa'il* amnya adalah masih lagi relevan dan praktikal serta mampu menjadi asas yang kukuh dalam memenuhi setiap tahap keperluan manusia tanpa mengira tempat dari dulu, kini dan akan datang.



## DAFTAR PUSTAKA

- Abdul Ghafar Ismail, 2010, *Money, Islamic Banks and the Real Economy*, Singapore: Cengage Learning.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad, 1997, *al-Wasit fi al-Madhab*, jld. 3, Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya b. Syarf (1423H/2003M), *Rawdat al-Talibin*, juz 3, cet. khas, Arab Saudi: Dar ‘Alim al-Kutub.
- Al-Nawawi, 2005, *Minhaj al-Talibin wa ‘Umdat al-Muftin*, Arab Saudi: Dar al-Minhaj.
- Al-Sawi, Muhammad Salah Muhammad, 1990, *Musykilat al-Istithmar fi al-Bunuk al-Islamiyyah*, Qaherah: Dar al-Wafa’.
- Al-Syarbini, Muhammad b. al-Khatib, 1997, *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifat Ma‘ani Alfaz al-Minhaj*, jld. 2, Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Bank Islam Malaysia Berhad, *Bank Islam: Application of Shariah Contracts in Bank Islam’s Products and Services*, Kuala Lumpur: BIMB.
- Bank Negara Malaysia, 2003, *What is Islamic Banking*, (Banking Info), Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia, 2006, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Daud bin Abdullah al-Fatani, *Furu‘ al-Masa’il*, jld. 2, Patani: Matba‘ah Bin Halabi.
- Hadenan Towpek, 2011, “Kaedah Penulisan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Dalam *Furu‘ Al-Masa’il* Dengan Tumpuan Kepada *Rubu‘ al-Mu‘amalat*”, *The 6<sup>th</sup> ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011)*, pada 11-12 Oktober 2011, anjuran ISDEV, USM, Pulau Pinang.

- Lembaran Maklumat Produk, RHB Islamic Bank Berhad.* Sumber diakses pada 14.11.2011, jam 9.32am, daripada laman sesawang: [http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/product-disclosure-sheet/PDS%20-%20Equity%20Home%20Financing\\_10102011.pdf](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/product-disclosure-sheet/PDS%20-%20Equity%20Home%20Financing_10102011.pdf).
- Mohd Ali Haji Baharum, 1991, *Masalah Perumahan, Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam*, Cet. 2, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Mohd Herwan b. Mohammad Hussin & Mohd Hawari b. Mohammad Hussin, 2011, *Understanding Shari'ah and Its Application in Islamic Finance*, Kuala Lumpur: IBFIM.
- Mohd Sollehudin Shuib, 2010, *Musharakah Mutanaqisah Dalam Amalan Perbankan Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Produk Pembiayaan Perumahan*, (Bahan tidak diterbitkan), Tesis PhD, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mustafa Rib al-Bugha *et al*, 1996, *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Syafi'i*, jld. 3, Damsyik: Dar al-Qalam dan Beirut: al-Dar al-Syamiyyah.
- Sudin Haron, 1996, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Wahbah al-Zuhayli, 1985, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, juz 4, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Zaharuddin Abd. Rahman, 2009, *Panduan Perbankan Islam: Kontrak & Produk Asas*, Kuala Lumpur: Telaga Biru